

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU, KELANTAN

GLEH

SAEDAH BINTI YUSOFF  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2006

013425

i100045590



LI 52 FPE 2 2006



1100045590

## Laporan akhir latihan industri di Majlis Perbandaran Kota Bharu Kelantan / Saedah Yusoff.

PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045590

110004559

Lihat sebelah



H 52 A 7

# **LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU, KELANTAN**

**Disediakan oleh:**

**SAEDAH BINTI YUSOFF  
(UK9747)**

**SARJANA MUDA PENGURUSAN  
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

**LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN  
KEPADА**


**JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI  
MALAYSIA  
2006**

**1100045590**

### Pengesahan Keaslian Laporan

Dengan ini saya Saedah Binti Yusoff mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

### Tandatangan



Nama : Saedah Binti Yusoff

Tarikh : 13 September 2006

### Disahkan oleh :



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

# **ISI KANDUNGAN**

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKASURAT</b>
PENGHARGAAN	i
RINGKASAN EKSEKUTIF	iii
<b>BAB I : LATARBELAKANG ORGANISASI</b>	
1.1 PENGENALAN	1
1.2 SEJARAH PENUBUHAN MAJLIS PERBANDARAN KOTA BHARU BANDAR RAYA ISLAM (MPKB-BRI)	3
1.3 MAKLUMAT ORGANISASI	7
1.4 KAWASAN PENTADBIRAN	11
1.4.1 JUMLAH ANGGOTA MPKB-BRI	12
1.4.2 IKRAR PERKHIDMATAN	13
1.4.3 TERAS PERKHIDMATAN	14
1.4.4 ETIKA KERJA	15
1.4.5 KAEDAH KERJA	15
1.4.6 DASAR DAN PERUBAHAN MPKB-BRI	15
1.4.7 RASIONAL LOGO MPKB-BRI	18
1.5 CARTA ORGANISASI MPKB-BRI	21
1.6 STRUKTUR ORGANISASI	22

<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>MUKASURAT</b>
1.7 SEJARAH RINGKAS JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA	27
1.7.1 OBJEKTIF JABATAN	27
1.7.2 CARTA ORGANISASI JABATAN	29
1.7.3 AKTIVITI ORGANISASI	30
1.8 ANALISIS KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI	35
<b>BAB 2 : PENGENALPASTIAN MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN</b>	
2.1 MENGESAN SISTEM YANG SEDIA ADA	38
2.2 PENGENALPASTIAN MASALAH	41
2.3 CADANGAN PENYELESAIAN MASALAH	44
<b>BAB 3 : ANALISIS DAN IMPLIKASI DARIPADA CADANGAN</b>	<b>48</b>
<b>BAB 4 : PENUTUP</b>	<b>51</b>
<b>BIBLIOGRAFI</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	

**SENARAI JADUAL DAN GAMBARAJAH****MUKASURAT**

Rajah 1 : Bangunan Majlis Perbandaran Kota Bharu

Bandar Raya Islam	1
Rajah 2 : Kawasan Pentadbiran MPKB-BRI	11
Rajah 3 : Jumlah kakitangan MPKB-BRI pada penghujung tahun 2000	13
Rajah 4 : Logo MPKB-BRI	18
Rajah 5 : Carta Organisasi MPKB-BRI	21
Rajah 6 : Carta Organisasi Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	29



## PENGHARGAAN

Dengan nama Allah S.W.T. yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang, selawat serta salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarganya yang suci serta para sahabat baginda yang terpilih.

Alhamdulillah, saya mengucapkan rasa kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana keizinan, rahmat dan hidayat-Nya membolehkan saya menamatkan Latihan Industri selama 12 minggu di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta dengan jayanya dan dapat menyiapkan laporan Latihan Industri ini pada waktu yang ditetapkan.

Sepanjang penglibatan saya di dalam Latihan Industri dan penghasilan laporan ini, saya telah mendapat kerjasama, sumbangan dan bantuan dari segi nasihat, sokongan moral dan spiritual, dan bantuan teknikal daripada pelbagai pihak. Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada **Tuan Hj. Che Abd. Aziz bin Ab. Rashid, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta** yang telah sudi mengambil saya di jabatannya bagi membolehkan saya menimba sedikit sebanyak pengalaman bekerja di sana. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada **En. Wan Zaini bin Wan Ahmad** selaku Ketua Bahagian dan **En.Zulkifli bin Shafie** selaku Penolong Ketua Bahagian Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta yang telah sabar menyelia dan menguruskan hal ehwal Latihan Industri di jabatan tersebut. Ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih juga ditujukan kepada semua kakitangan yang telah bekerjasama dengan saya sepanjang tempoh latihan ini.



Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ketua Jabatan Ekologi Sosial iaitu **Dr. Asyraf bin Abd. Rahman** diatas kerjasama dan membuat lawatan di Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam untuk penilaian Latihan Industri.

Dengan ini saya juga ingin mengambil kesempatan merakam jutaan terima kasih dan seribu penghargaan kepada pensyarah-pensyarah, staf-staf FPE serta individu-individu yang terlibat sepanjang saya mengikuti pengajian saya dalam program Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial.

Penghargaan dan terima kasih yang teristimewa khusus ditujukan kepada semua ahli keluarga saya terutamanya kepada ibu saya **Puan Khadijah bt Che Ngah** yang telah banyak memberi galakan dan dorongan. Demikian juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah sama-sama memberi serba sedikit idea dalam menyempurnakan laporan Latihan Industri.

Kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membantu saya sepanjang tempoh Latihan Industri, saya juga mengucapkan jutaan terima kasih. Semoga sumbangan mereka mendapat ganjaran daripada Allah S.W.T.

Sekian, wassalam.



## RINGKASAN EKSEKUTIF

Tujuan Laporan Industri ini dibuat adalah untuk memenuhi prasyarat bagi kursus SOS 4299 bagi menepati jam kredit iaitu sebanyak 6 jam kredit. Khusus ini adalah kursus wajib bagi program Sarjana Muda Pengurusan Polisi Dan Sekitaran Sosial di Kolej Universiti Sains Dan Teknologi Malaysia (KUSTEM). Latihan ini telah dijalani selama 12 minggu bermula 17 April dan berakhir 9 Julai 2006 di Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, Majlis Perbandaran Kota Bharu Bandar Raya Islam, Kelantan. Organisasi MPKB-BRI ini terletak di tengah-tengah persimpangan jalan iaitu Jalan Hospital. MPKB-BRI juga berhampiran dengan Sekolah Rendah Kebagsaan Padang Garong bersebelahan dengan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Di MPKB-BRI terdapat sepuluh jabatan. Jabatan-jabatan ini menjalankan pelbagai fungsi yang berkaitan dengan perihal pentadbiran dan sebarang operasi termasuk mengeluarkan lesen kepada peniaga di pasar-pasar besar, saman bagi kesalahan meletak kereta di tempat yang salah, premis jualan, cukai taksiran dan sebagainya. Sepanjang pelatih berada di sana, pelbagai kemahiran dipelajari dalam beberapa sistem yang sedia ada seperti Sistem Pemfailan atau Doket, Sistem Komputer, Sistem Kaunter, Sistem Homepage, Sistem Integrasi Majlis dan Sistem Perakam Masa. Namun begitu, terdapat beberapa pengenalpastian masalah yang terdapat di jabatan ini seperti sistem fail yang tidak teratur, masalah kekurangan sumber tenaga manusia, penggunaan komputer yang tidak cekap, arahan kerja yang tidak jelas, ruang kerja yang terhad dan persepsi negatif dalam kerjaya. Bagi mengatasi masalah ini daripada terus berleluasa di dalam organisasi, beberapa cadangan telah dicadangkan seperti menyediakan tempat yang khusus untuk penyimpanan fail, menambahkan bilangan pekerja, mewajibkan kakitangan mengambil kursus asas komputer, mengeluarkan arahan kerja yang jelas, menyediakan ruang kerja yang lebih luas dan menghapuskan pandangan negatif dalam kerjaya dengan menyedarkan kakitangan akan ikrar perkhidmatan yang mereka lafazkan sebelum memulakan perkhidmatan dahulu. Cadangan ini dibuat sebagai langkah untuk mengatasi masalah dalam organisasi daripada terus berleluasa.